





PENDIDIKAN INKLUSIF BAGI MURID-MURID MASALAH PENDENGARAN

Oleh

**Nurul Fikrah Binti Aziz
Priscilla Entayang anak Marcus**

**Nama Pensyarah: Profesor Madya Dr.
Aznan Che Ahmad**



DEFINISI PENDIDIKAN INKLUSIF

Selaras dengan pernyataan dalam peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013:

“Program Pendidikan Inklusif” ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.



**Lewis dan
Doorlag (2003)**

- Inklusif merupakan istilah yang selalu digunakan kini untuk menerangkan tentang penempatan bagi pelajar berkeperluan khas di dalam pendidikan arus perdana. Ini menunjukkan bahawa inklusif adalah program yang dirancang khas untuk menempatkan murid berkeperluan khas agar dapat belajar bersama pelajar normal di kelas aliran perdana.

Florian (2005)

- Pendidikan inklusif memberi peluang untuk orang tidak berupaya melibatkan diri sepenuhnya dalam semua aktiviti pendidikan, kerjaya, rekreasi, komuniti dan domestik yang dilakukan oleh ahli masyarakat.
- 

Definisi murid- murid bermasalah pendengaran

Murid-murid yang tidak dapat mendengar pada satu-satu tahap intensiti atau kekuatan bunyi.

(Hallahan dan Kauffman, 1991)



Matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI)

Meningkatkan penyertaan dan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mengikuti program pengajaran dan pembelajaran bersama-sama murid di arus perdana. PPI juga memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menafikan potensi MBK dan menerima bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimakan jika diberi peluang yang sama. (Garis Panduan PPI, KPM 2013).


Objektif PPI

- Memastikan MBK mendapat hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan
- Membina keyakinan diri MBK bagi mencapai potensi yang optimum
- Memastikan MBK dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana bagi meningkatkan kemahiran kehidupan harian mereka
- Meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBK.

Model Program Pendidikan Inklusif

Model Program Pendidikan Inklusif PPI dilaksanakan secara holistik dengan penglibatan semua pihak pada peringkat sekolah hingga ke peringkat komuniti. Pendidikan inklusif yang bersifat holistik atau menyeluruh tidak menekankan kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga merangkumi perkembangan dan pencapaian potensi lain dalam diri setiap MBK. Model holistik yang diguna pakai merangkumi pelaksanaan pendekatan inklusif separa dan inklusif penuh. Inklusif separa mengambil kira penglibatan MBK dalam bidang akademik dan bukan akademik. MBK mengikuti PPI sama ada dengan bantuan khidmat sokongan atau tanpa sokongan bergantung kepada keperluan individu murid.





Rajah Pelaksanaan PPI menggunakan Model Holistik

Untuk maklumat lebih lanjut layari :

<https://www.moe.gov.my/index.php/muat-turun/pendidikan%20khas/program-pendidikan-inklusif/bahan-rujukan>.



Inklusif Separa

MBK belajar bersama-sama murid arus perdana bagi mata pelajaran akademik dan aktiviti kokurikulum pada waktu mata pelajaran tertentu sahaja.

Inklusif Separa Akademik

MBK belajar di dalam kelas arus perdana bagi sekurang-kurangnya satu mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik atau mana-mana mata pelajaran lain.

Inklusif Separa Bukan Akademik



Penglibatan MBK dalam aktiviti kokurikulum dan sosialisasi. Inklusif separa bagi aktiviti kokurikulum adalah berdasarkan potensi, bakat dan keupayaan mereka.



Inklusif Penuh

MBK belajar bersama-sama murid arus perdana secara sepenuh masa dan mengikuti pembelajaran bagi semua mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai. MBK turut terlibat dalam aktiviti kokurikulum sebagaimana murid arus perdana yang lain.

Kokurikulum

MBK yang mengikuti aktiviti kokurikulum berjadual diambil kira sebagai penglibatan dalam inklusif separa bukan akademik dan data boleh direkodkan dalam sistem Aplikasi Pengurusan Data Murid (APDM).





Sosialisasi


Merujuk kepada pelibatan MBK dalam aktiviti semasa waktu rehat sekolah, sambutan Hari Guru, Hari Sukan Sekolah, Hari Kantin atau sebarang aktiviti ekstra kurikulum yang memberikan peluang MBK berinteraksi dan bersosial dengan murid arus perdana. Walau bagaimanapun, MBK yang terlibat dalam inklusif separa sosialisasi tidak direkodkan dalam sistem Aplikasi Pengurusan Data Murid (APDM).

Sokongan


MBK memerlukan sokongan dari aspek:

- Sumber manusia (guru resos/guru pendamping)
- Peralatan Pendidikan Khas (kanta pembesar, papan kekunci alternatif, pembaris tetingkap)
- Bahan bantu belajar (BBB)
- Perabot dan infrastruktur
- Prasarana mengikut keperluan MBK

Pelaksanaan PPI di Malaysia (Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan khas, 2014)



Kriteria MBK



- (a) Melempi tahap penilaian menggunakan instrumen yang diteatapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (b) Umur MBK hendakalah mengikut kohort umur murid dalam arus perdana atau tambahan satu tahun sahaja daripada umur murid dalam arus perdana. Maksudnya, jika murid itu hendak diinklusi ke tahun dua, umur murid berkeperluan adalah sama ada lapan atau sembilan tahun. Jawatankuasa Program Pendidikan Khas Sekolah akan memperaku dan meluluskan MBK yang layak mengikut PPI berdasarkan kriteria yang ditetapkan. MBK yang telah ditempatkan dalam PPI perlu menjalani tempoh percubaan selama maksimum tiga bulan.

Penempatan MBK di PPI

- (i) Saiz kelas arus perdana yang menjalani PPI sebaik-baiknya mempunyai jumlah murid yang kurang daripada 35 orang.
- (ii) MBK yang ditempatkan di PPI tidak lebih daripada lima orang di setiap satu kelas. Jika ada jumlah yang lebih dari itu maka MBK perlu ditempatkan di kelas yang tidak sama.
- (iii) MBK ditempatkan di kelas yang selaras dengan pencapaian mereka.



Pentaksiran



- (i) MBK dalam inklusif penuh menjalani pentaksiran dan penilaian sama seperti murid lain dalam arus perdana dalam aspek kurikulum dan kokurikulum.
- (ii) MBK yang ditempatkan dalam kelas inklusif di sekolah menengah dan sekolah rendah harian biasa, juga dibenarkan mengambil peperiksaan awam UPSR, PT3, SPM bersama-sama dengan murid-murid lain.
- (iii) MBK perlu didaftarkan sebagai Calon Berkerperluan Khas (CBK) dalam peperiksaan awam bagi mendapatkan keistimewaan, kemudahan dan perkhidmatan yang diperuntukan oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan Panduan Pengurusan Peperiksaan bagi calon berkerpeluan khas

Pengajaran dan Pembelajaran

- (i) MBK dalam PPI belajar berpandukan kurikulum kebangsaan yang digunakan oleh murid dalam arus perdana.
- (ii) Pengubahsuaian kaedah pengajaran, penyediaan bahan dan penyampaian boleh dilakukan bagi memudahkan MBK menerima input semasa pembelajaran
- (iii) Laporan perubatan, profil murid, analisis ujian dan rekod prestasi hendaklah digunakan bagi merancang pengajaran murid. Perancangan pengajaran murid dibuat bersama dengan guru pendidikan khas.
- (iv) Guru aliran perdana akan menulis Rancangan Pengajaran Harian seperti biasa dengan memasukkan keperluan pengajaran khusus MBK.



Peranan Guru



Guru arus perdana yang mengajar di kelas inklusif hendaklah sebaik-baiknya diberi latihan dalam mengendalikan MBK untuk melengkapkan guru arus perdana dan menjadikan mereka lebih baik. Bagi sekolah yang tiada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), pihak sekolah boleh mendapatkan bantuan latihan daripada guru PPKI dari sekolah berhampiran, pegawai di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau Bahagian Pendidikan Khas di Kementerian. Bagi sekolah yang mempunyai PPKI, guru pendidikan khas memainkan peranan penting dalam membantu guru aliran perdana menjayakan PPI.

Strategi PdP dalam PPI bagi MBK bermasalah pendengaran



1

Pendekatan komunikasi menyeluruh

- Bahasa Lisan
- Mimik Muka
- Gerak Badan
- Isyarat Tangan
- Gerak Bibir
- Kiu Visual (gambar/lukisan)



2

Sukatan Pelajaran

Pengajaran dijalankan menggunakan sukatan yang sama dengan murid arus perdana namun sebaik-baiknya kandungan pengajaran dipermudahkan.



3

Intonasi Percakapan

Bercakap atau memberi penerangan seperti biasa, tanpa meninggikan suara.



4

Mengenal pasti tahap pendengaran

Keputusan diperoleh melalui Audiogram (Ujian Pendengaran) daripada maklumat yang diberikan oleh ibu bapa atau guru pendidikan khas atau ahli audiologis yang memberikan sokongan kepada MBK.



5

Mengenal pasti keadaan telinga

Mengenal pasti keadaan telinga murid melalui pemerhatian cara murid memalingkan kepala ke arah punca bunyi. Letakkan posisi kedudukan murid mengikut telinga yang lebih baik atau dominan menghadap guru.



6

Kendudukan dalam kelas

Meletakkan kedudukan MBK pendengaran mengikut susun atur di tengah kelas.



7

Kefungsian Alat Pendengaran

Memastikan murid memakai ABP yang berfungsi dengan baik. Sekiranya guru kurang mahir mengendalikan ABP murid, guru boleh meminta murid memeriksa sendiri peralatan tersebut sebelum kelas bermula atau guru memohon bantuan dengan menghubungi audiologis, guru pendidikan khas pendengaran atau ibu bapa.

8

Penglibatan guru

Penglibatan guru pendamping, guru pendidikan khas atau ibu bapa membantu meningkatkan PdP murid khusus sebagai penterjemah bahasa isyarat.



Isu Pelaksanaan PPI di Malaysia

Kesedaran dan Penerimaan




Segelintir pentadbir dan guru arus perdana belum bersedia menerima kehadiran murid berkeperluan khas di kelas arus perdana. Pergaulan antara rakan sebaya bersama MBK juga adalah terhad.

Infrastruktur



PPI memerlukan infrastruktur yang baik secara fizikal seperti kelas yang kondusif dan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dan peralatan sokongan PdP bagi membantu MBK belajar dengan baik.

Sistem sokongan dan bantuan



Terdapat isu kekurangan bahan bantu belajar (BBB) yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan PdP MBK di kelas arus perdana. BBB penting bagi memastikan penyampaian PdP lebih efektif.

Pengurusan bilik darjah



Apabila jumlah murid dalam kelas arus perdana terlalu ramai, guru kurang memberi tumpuan kepada MBK dalam kelas tersebut. Ini menyebabkan MBK ketinggalan dalam proses PdP.

Kelayakan murid untuk inklusif



Kelayakan MBK untuk diinkluskikan melibatkan beberapa faktor seperti pencapaian akademik dan tingkah laku yang positif. MBK juga perlu bersedia dari segi kognitif, emosi dan sosial.

Penyusunan jadual waktu



Penyusunan jadual waktu antara arus perdana dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang tidak selaras mengakibatkan berlakunya keciciran sesetengah mata pelajaran MBK di PPKI.

Kesimpulan



Kewujudan PPI ialah satu peluang pendidikan yang disediakan bagi MBK belajar dalam kelas biasa dan melakukan aktiviti bersama-sama murid arus perdana. Usaha yang berterusan diperlukan bagi memastikan program ini dapat dijalankan dengan teratur dan berjaya. Hal ini demikian kerana, PPI merupakan strategi jangka masa panjang yang baik untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan orang berkeperluan khas di negara ini. Pendidikan menjadi aset kepada setiap individu termasuk golongan keperluan khas. Hal ini selaras dengan moto Pendidikan Untuk Semua (Education for All) di mana semua kanak-kanak berhak mempunyai pendidikan asas yang berkualiti. Ketidakupayaan seseorang individu tersebut tidak boleh menjadi alasan kepada keciciran mendapat pendidikan kerana pelbagai kaedah boleh dilaksanakan dalam menyediakan perkhidmatan kepada golongan ini.